

Malaysia yakin dengan sistem ekonomi terbuka: Dr M

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan bahawa Malaysia tidak pernah berganjak dari kepercayaan terhadap sistem perusahaannya bebas dan ekonomi terbuka yang diamalkan sekarang.

Sebaliknya, Perdana Menteri berkata, pendidikan terhadap kepentingan sistem itu bukan sahaja dikekalkan, malah dipertingkatkan.

"Malaysia sebagai sebuah negara yang mengamalkan demokrasi berparlimen dengan sistem raja berperlembagaan yang unik, mempercayai kesempurnaan sistem perusahaannya bebas. Ekonomi Malaysia berasaskan kepada ekonomi terbuka.

"Sejak merdeka 27 tahun lalu, kami tidak mengubah kepercayaan kami," tegasnya.

Tetapi, ini tidak bermakna Malaysia mengikut bulat-bulat sikap kapitalisme *laissez faire* dalam usaha memajukan negara.

Secara tidak langsung Datuk Seri Dr Mahathir menegur sikap setengah-setengah negara yang mengamalkan sistem perusahaannya bebas dan ekonomi terbuka tetapi mengamalkan dasar perlindungan.

Perdana Menteri menyatakan demikian ketika merasmikan persidangan tahunan bersama Persatuan Ekonomi Malaysia-Jepun (Majeca-Jameca), di sini, hari ini.

Persidangan dua hari itu menumpukan perkara mengenai eksport ke Jepun, perdagangan, pasaran Jepun bagi keluaran getah, perkapalan, peluang baru pelaburan Jepun di Malaysia, pelancongan, industri kecil, in-

dusri teknologi tinggi dan tanggungjawab Jepun dalam kemajuan industri petroleum dan binaan.

Perdana Menteri mahukan Majeca dan Jameca meningkatkan hubungan perdagangan dan ekonomi antara kedua negara, serta membuka pasaran barangan Malaysia ke Jepun.

Katanya, bidang kerjasama yang dapat dilakukan oleh kedua persatuan itu adalah terbuka luas. Cara baru hendaklah dicari untuk meningkatkan kerjasama itu.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, meskipun imbalan kuasa antara Timur dan Barat mengancam kedudukan masa depan manusia, Malaysia masih percaya bahawa perlunya kerjasama dan persefahaman antarabangsa.

Beliau berkata, sungguhpun Malaysia kecil, ia tetap memberi sumbangannya ke arah mewujudkan satu ke-

hidupan yang lebih baik dan tenteram bagi setiap manusia berasaskan keadilan dan saksama.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, dasar menutup pintu antara satu sama lain hanya akan memberi faedah sementara. Dalam jangka panjang, ia akan mencautkan negara itu sendiri.

Di bidang perindustrian, Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan bahawa Malaysia mengamalkan dasar yang longgar dan menggalakkan pengaliran modal asing, kemahiran dan pengalaman.

Kemahiran

Datuk Seri Dr Mahathir juga mensifatkan sektor pelancongan dan industri kecil kini menjadi kepentingan utama kepada Malaysia selaras dengan hasrat kerajaan bergerak melaksanakan rancangan perindustriannya.

Katanya, bidang-bidang itu dapat menyediakan usaha baru bagi usahawan kecil. Datuk Seri Dr Mahathir berkata, perusahaan kecil akan dapat berkembang dengan pesatnya berbanding sebelum ini.

Lebih ramai rakyat sedang dilatih di pelbagai bidang khusus, selaras dengan susunan ekonomi yang berubah begitu pesat, di mana sektor pengilangan meningkatkan keupayaannya dalam Keluaran Negara Kasar.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Malaysia mengalukan bantuan sumber-sumber luar bagi memajukan industri kecil di negara ini.

Malaysia ingin melihat industri besar, sederhana dan kecil berkembang.

Katanya, industri itu akan mendatangkan faedah bersama dan membolehkan semua sektor ekonomi serta daya pengeluaran dipertingkatkan.